

**Tidak Ada Unsur Ketirisan Dalam Kelewatan KLIA2 - Nur Jazlan
Bernama
1 April, 2014**

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Tiada unsur ketirisan yang menyebabkan peningkatan kos dan kelewatan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), kata Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Beliau berkata peningkatan kos dan kelewatan projek berkenaan siap adalah kerana unjuran pertambahan penumpang di KLIA2 yang lebih tinggi daripada apa yang dijangkakan sebelum ini dan pembangunan rancak industri penerbangan tambang murah negara.

"Soal ketirisan perlu bukti dan dalam soal jawab semasa prosiding PAC tadi tidak timbul soal ketirisan tetapi lebih kepada pelaksanaan dan perancangan. PAC mahu orang awam mengikis persepsi yang tidak betul mengenai pembinaan KLIA2," katanya kepada pemberita di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas mendengar penjelasan selama tiga jam daripada Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) Tan Sri Bashir Ahmad, Ketua Pegawai Operasi MAHB Datuk Abdul Hamid Mohd Ali dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Yap Kin Sian.

Nur Jazlan berkata MAHB menjelaskan pertumbuhan rancak industri penerbangan tambang murah negara menyebabkan perubahan daripada segi reka bentuk lapangan terbang perlu dilakukan.

KLIA2, kata beliau akan dibuka pada 2 Mei dengan dua syarikat penerbangan iaitu Cebu Pacific dan Malindo Air beroperasi dahulu.

"AirAsia dijangka pindah selepas 2 Mei. Oleh itu pada 2 Mei, pra-pelancaran akan dilaksanakan dan KLIA2 akan beroperasi dengan trafik yang rendah sebelum AirAsia dengan jumlah penerbangan lebih besar berpindah ke sana," katanya.

Memandangkan banyak perkara pada sesi hari ini menyentuh AirAsia, Nur Jazlan berkata PAC memutuskan untuk memanggil AirAsia yang banyak mempengaruhi pembinaan KLIA2 bagi memberi keterangan secepat mungkin.

Beliau berkata PAC hari ini turut merakamkan kenyataan daripada MAHB yang membiayai sepenuhnya projek KLIA2 manakala Kementerian Pengangkutan melihat aspek isu keselamatan bagi menjamin keselamatan penumpang dan pengguna KLIA2 ekoran insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 pada 8 Mac lalu.

KLIA2 sebelum ini dijadual dibuka pada 30 April sebelum ditunda kepada 2 Mei.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026936>